

D049

U B334 AAB  
MAHATHIR - ETIKA

BANGI, 13 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, ORANG YANG PAKAR SEBENARNYA MEMPUNYAI PELUANG YANG LEBIH BANYAK UNTUK MELAKUKAN PENYELEWENGAN KERANA KEPAKARAN MEREKA ITU.

GOLONGAN PAKAR INI JUGA MENGETAHUI SELOK-BELOK DAN KELEMAHAN YANG ADA DALAM SESUATU BIDANG YANG MEREKA CEBURI, KATANYA SEMASA BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR ETIKA PENGURUSAN PETRONAS DI SINI OLEH ITU INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERTANGGUNGJAWAB MEMASTIKAN BAKAL GOLONGAN PROFESIONAL YANG DIKELUARKAN OLEH MEREKA, DIBERIKAN PENEKANAN KEPADA SOAL ETIKA DAN CARA UJIAN YANG DAPAT MENENTUKAN KUALITI MORAL MEREKA, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DALAM USAHA MENYEMAI NILAI-NILAI ETIKA YANG BAIK, PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI PERLU DISEDARKAN BAHAWA BADAN-BADAN KORPORAT TEMPAT MEREKA AKAN BEKERJA NANTI, JUGA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB SOSIAL TENTANG CARA IA MENGGUNAKAN KUASANYA.

MENURUT BELIAU LAGI, KUASA YANG ADA PADA BADAN-BADAN KORPORAT ITU, YANG MEMPUNYAI IMPLIKASI KEPADA PEMEGANG SAHAM, PELANGGAN DAN MASYARAKAT UMUM, PERLU DIGUNAKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA DAN BUKAN DENGAN SEWENANG-WENANGNYA.

+PENDEK KATA, MASYARAKAT MENGHARAPKAN BADAN-BADAN KORPORAT BESAR BERKELAKUAN ATAU BERTINDAK DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB DAN BERETIKA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI.

1242MST 13 03 90

D052

U B335 AAB  
MAHATHIR - ETIKA 2 BANGI

BELIAU BERKATA BAHAWA BAKAL PEMIMPIN DAN PENGURUS JUGA PERLU FAHAM TENTANG SESUATU KOD KELAKUAN DALAMAN YANG DIPEGANG OLEH SEKTOR INDUSTRI SUPAYA BADAN-BADAN KORPORAT MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT.

GOLONGAN PROFESIONAL PERLU MEMPUNYAI TAHAP PENGETAHUAN DAN KESEDARAN ETIKA YANG TINGGI BAGI MENGELAKKAN DIRI DARIPADA TERPENGARUH OLEH SIFAT-SIFAT NEGATIF SEPerti TAMAK, MEMENTINGKAN DIRI, ANGGUH DAN GILA KUASA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA SEHINGGA INI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BIASANYA MENUMPUKAN HANYA KEPADA PENCAPAIAN AKADEMIK TANPA MEMBERI PERHATIAN KEPADA KUALITI MORAL.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, GOLONGAN PROFESIONAL YANG TIDAK DIBEKALKAN DENGAN NILAI-NILAI ETIKA YANG BAIK AKAN MENYALAHGUNAKAN KEPAKARAN MEREKA AKIBAT DIDORONGI OLEH SIFAT-SIFAT NEGATIF ITU.

+JIKA KITA TERPAKSA MEMILIH ANTARA (PENGURUS) YANG TIDAK CEKAP TETAPI MEMPUNYAI ETIKA YANG BAIK, DENGAN YANG CEKAP TETAPI TIDAK MEMPUNYAI ETIKA YANG BAIK, ADALAH LEBIH BAIK DIPILIH YANG MEMPUNYAI ETIKA YANG BAIK WALAUPUN TIDAK CEKAP,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, OLEH KERANA PENGURUS ADALAH MEREKA YANG MEMIMPIN, SUDAH TENTU JIKA PENGURUSAN TIDAK MEMPUNYAI ETIKA YANG BAIK, SUKAR UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN. ATAU JIKA TERCAPAI PUN, KEJAYAAN ITU TIDAKLAH PADA TAHAP MAKSIMUM. -- LAGI.  
1249MST 13 03 90

0053

U B336 AAB

MAHATHIR - ETIKA 3 BANGI

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA BAHAWA PIHAK PENGURUSAN PERLU MENGENAL PASTI APA DIA ETIKA YANG PERLU DIAMALKAN OLEH MEREKA. JIKA IA SUDAH DIKENALI DAN PIHAK PENGURUSAN BERKENAAN SANGGUP MENGAMALKANNYA DALAM URUSAN KERJA MEREKA, MAKA HASIL KECEKAPAN SEBAGAI PENGURUS AKAN TERCAPAI JUGA.

SEMINAR SELAMA DUA HARI YANG DIANJURKAN BERSAMA OLEH PETRONAS DAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA ITU BERTUJUAN, ANTARA LAINNNYA, MENINJAU TAHAP KESEDARAN DAN AMALAN ETIKA PENGURUSAN MASA KINI SERTA MENELITI ISU-ISU DAN MASALAH ETIKA SEMASA.

SEJUMLAH 13 KERTAS KERJA DIBENTANGKAN TERMASUK OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA DATUK AHMAD SARJI ABDUL HAMID, KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR DAN WARTAWAN VETERAN A. SAMAD ISMAIL. -- BERNAMA.  
1251MST 13 03 90